

CNS0336

U GB 13-01 00190 BB839

BAH

PENILAIAN YANG MUNASABAH BAGI TANAH KAMPUNG BARU

Mahathir - Kampung Baru

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan akan membuat penilaian yang munasabah terhadap nilai tanah Kampung Baru Kuala Lumpur bagi memastikan nilai bangunan yang dibina kemudian tidak terlalu tinggi.

Perdana Menteri berkata, langkah itu ialah bagi memastikan supaya orang Melayu mampu membeli dan menyewa rumah atau kedai yang dibina di tanah Kampung Baru yang sudah dibangunkan.

+Asas kos tanah itu mestilah asas kos yang munasabah yang akhirnya apabila kita telah bangunkan kedai dan rumah di situ, orang Melayu mampu memiliki atau menyewanya.

+Jika tidak, maka kita akan bina kedai dan tidak ada orang Melayu hendak duduk di situ dan akan gagallah ini semua,+ katanya pada persidangan akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di sini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Harus diingat kalau kos terlalu tinggi, esok kita mungkin tidak dapat menempatkan orang Melayu di kampung itu.+

Beliau berkata, kerajaan masih belum memutuskan pampasan kepada mereka yang diambil tanahnya dan sekarang masih peringkat mengukur tanah yang akan diambil kerajaan. -- Lagi.

▼13/01/20-12MST

CNS0343

U GB 13-01 00118 BB840

BAH

Mahathir - Kampung Baru 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata, sebenarnya tiada peruntukan untuk membayar berjuta-juta ringgit seperti yang diumumkan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Sulaiman Mohamad, yang telahpun beliau jelaskan.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan akan menentukan mereka yang berhak mendapat pampasan dan jumlah yang boleh dibayar.

Perdana Menteri berkata, rancangan untuk mengambil tanah Kampung Baru bagi memajukannya mungkin tidak diteruskan sekiranya kosnya terlalu tinggi.

+Kalau kita tidak cukup duit maka tentulah kita tidak boleh buat kemajuan apapun dan mungkin akan terbengkalai projek hendak membaharui Kampung Baru.

+Kalau kita tidak cukup duit, Kampung Baru akan terus menjadi Kampung Baru yang lama,+ katanya. -- Lagi.

▼13/01/20-21MST

CNS0346

U GB 13-01 00090 BB841

BAH

Mahathir - Kampung Baru 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai cadangan mengadakan rangkaian TV yang baru, Perdana Menteri berkata, Kabinet belum membincangkan perkara itu.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, Jemaah Menteri belum memutuskan mengenai Pengarah Urusan bagi Pos Malaysia, perbadanan yang menggantikan Jabatan Perkhidmatan Pos sejak 1 Jan lepas.

Beliau berkata, orang awam, yang kini sering merungut mengenai perkhidmatan Pos Malaysia, harus memberi masa untuk perbadanan itu maju.

+Yang penting, ialah kita semua bekerjasama untuk memajukan Pos Malaysia,+ katanya. -- Bernama.

▼13/01/20-27MST